

**Agensi kerajaan atur langkah laksana bajet
Utusan Online
October 14, 2011**

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Kejayaan Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Jumaat lalu bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan tindakan semua agensi kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya.

Sehubungan itu, **Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu)** berkata, semua agensi terbabit perlu mengatur langkah dengan cekap supaya rakyat selaku golongan sasaran dapat menikmati kebaikan yang dijanjikan melalui bajet tersebut.

"Harapan saya supaya agensi kerajaan dapat mengatur segala rencana (perancangan) ini dengan cekap kerana apa yang dijanjikan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan memerlukan sokongan dalam bentuk tindakan daripada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 di Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu Idris berkata, antara keistimewaan Bajet kali ini ialah ia mengambil kira pandangan rakyat seperti keputusan menaikkan kelayakan membeli rumah sehingga RM400,000 berbanding RM200,000 sebelum ini dalam pelaksanaan skim pemilikan rumah pertama dalam kalangan generasi muda.

Ujarnya, keputusan itu dibuat setelah kerajaan menerima maklum balas daripada rakyat bahawa kelayakan untuk memiliki sebuah rumah berharga RM200,000 dan ke bawah di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Georgetown pada masa ini begitu sukar.

Beliau berkata, ini memandangkan harga rumah di bandar-bandar besar seperti itu amat tinggi.

"Secara kasarnya harga rumah di bandar-bandar besar tidak kurang daripada RM220,000. Oleh itu ada kewajaran kelayakan harga rumah ini dinaikkan bagi membolehkan rakyat memiliki rumah pertama dalam usia muda," katanya lagi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1014&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_03.htm